

TEKS UCAPAN

**YB TUAN BARU BIAN
MENTERI KERJA RAYA**

SEMPENA

**SESI PERJUMPAAN YB MENTERI BERSAMA WARGA KKR DAN
AGENSI TAHUN 2019**

PADA

**1 JULAI 2019 (ISNIN)
12.00 TENGAH HARI
PUSAT KONVENTSYEN CIDB**

Terima kasih Pengacara Majlis.

Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Anuar bin Mohd Tahir
Timbalan Menteri Kerja Raya

Yang Berbahagia Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia Dato' Abdul Razak bin Jaafar
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar Dan Pembangunan)

Yang Berbahagia Dato' Dr. Ong Gua Pak
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Yang Berbahagia Dato' Ir. Dr. Meor Abdul Aziz bin Haji Osman
Ketua Pengarah Kerja Raya
Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali
Pengerusi
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

Yang Berbahagia Dato' Ir. Ahmad 'Asri bin Abdul Hamid
Ketua Eksekutif
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

Yang Berbahagia Dato' Sr. Aziz bin Abdullah
Ketua Pengarah
Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian dan Agensi, dan

Dato'-Dato' / Datin-Datin / Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

1. Salam Syawal dan Salam Sejahtera.
2. Bersyukur kita kepada Tuhan kerana dengan izinNya kita dapat berhimpun dan bertemu di dewan ini dalam Majlis Sambutan Hari Raya Kementerian Kerja Raya dan Agensi bagi Tahun 2019. Seperti kita sedia maklum, Hari Raya Aidilfitri merupakan perayaan yang disambut oleh umat Islam di seluruh dunia setelah berjaya menjalani ibadah puasa sepanjang bulan Ramadhan. Pada hari ke 27 Syawal ini, masih belum terlambat untuk saya mengucapkan Salam Aiful Fitri, Maaf Zahir dan Batin kepada semua hadirin.
3. Saya amat berbesar hati kerana dapat meraikan Majlis ini bersama-sama dengan hadirin sekalian. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kehadiran YBhg. Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan ke majlis yang dianjurkan oleh pihak Kementerian.

4. Saya difahamkan Majlis hari ini dimeriahkan dengan kehadiran seramai 3500 jemputan yang terdiri daripada warga Kementerian, Agensi, dan juga rakan-rakan strategik Kementerian.
5. Terima kasih diucapkan kepada semua kerana sudi meluangkan masa hadir ke Majlis ini dengan penuh rasa Muhibbah dan suasana yang harmoni.

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Majlis seperti ini menjadi wadah bagi memupuk sikap saling memahami dan bertolak ansur sesama warga Kementerian dan Agensi. Aidil Fitri juga memberi kesempatan kepada kita semua untuk saling bermaaf-maafan dan mengukuhkan hubungan silaturrahim yang sedia terjalin.
7. Besarlah harapan saya agar Majlis hari ini secara tidak langsung terus memekarkan semangat kerja berpasukan dikalangan kita. Kerja berpasukan mempunyai banyak kelebihan kerana ia saling bergantung dari segi keupayaan, kepakaran, kemahiran dan pengetahuan serta komitmen terhadap prestasi pasukan dan bersedia melaksanakan tugas secara bersama.
8. Untuk makluman semua, tarikh 1 Julai 2019 ini juga merupakan genap setahun saya dilantik dan diberi mandat oleh Kerajaan Pakatan Harapan, pimpinan YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia untuk menerajui Kementerian Kerja Raya bersama Tan Sri, Dato'- Dato' dan Tuan Puan semua.

9. Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan dan kerjasama Tuan-tuan dan Puan-puan semua sepanjang tempoh setahun saya berkhidmat sebagai Menteri Kerja Raya. Saya akan terus menjalankan tugas berdasarkan amanah rakyat dan bersandarkan peraturan dan undang-undang yang sedia ada.
10. Seperti mana yang saya katakan sebelum ini, kesepakatan dan semangat kerja berpasukan dalam Kementerian ini adalah sangat diharapkan untuk kita memenuhi kehendak rakyat yang mengharapkan khidmat terbaik dari pemegang amanah yang dipertanggungjawabkan.
11. Saya tidak bercadang mengambil masa yang lama untuk berucap pada hari ini. Justeru, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang sudi meluangkan masa untuk bersama-sama memeriahkan Majlis pada hari ini. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pihak yang bertungkus lumus menjayakan Majlis Sambutan Hari Raya Kementerian Kerja Raya dan Agensi bagi Tahun 2019.
12. Akhir kata, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada seluruh warga Kementerian dan Agensi serta para hadirin yang hadir.
13. Sekian, Terima Kasih.